

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK: 20/3/2021

PEGAWAI PENYEMAK: Adam Aspin Han



KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 24/2/2021

DIBACA PADA: 26/2/2021

DILULUSKAN OLEH: Baharudin

BAHARUDIN  
Ketua Rombongan Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

15 REJAB 1442H/ 26 FEBRUARI 2021M

### KELUARGA MUSLIM: NILAI DAN TANGGUNGJAWAB

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan buat diri saya dan sidang jemaah sekalian, agar, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhanNya, dan menjauhi segala laranganNya. Moga-moga kita semua beroleh keberkatan hidup di dunia ini dan kebahagiaan abadi di Akhirat kelak.

### **Ma'asyiral Muslimin rahimakumullah,**

Islam merupakan agama sempurna yang memandu kemanusiaan ke arah yang terbaik yakni “*Khaira Ummah*” dalam segenap ruang lingkup kehidupan. Islam agama yang praktikal, yang sentiasa mengajarkan nilai yang luhur, dan mengajarkan tentang makna tanggungjawab menjaga nilai yang luhur tersebut.

Di dalam sebuah keluarga Muslim misalnya, Islam telah menggariskan beberapa nilai tanggungjawab yang perlu dihayati serta diamalkan. Adalah penting setiap pasangan ini saling memahami akan tujuan sesebuah perkahwinan agar dapat mencapai kebahagiaan, hidup dalam mawaddah, sakinah dan rahmah Allah SWT.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Antara nilai-nilai terpenting yang perlu ada di dalam sesebuah perkahwinan ialah sifat “**Makruf**”, yakni berbuat baik.

Allah SWT berfirman di dalam KitabNya yang mulia,

...وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ...

**Mafhumnya:** “... Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik...” (an-Nisa, ayat 19)

Manakala firman-Nya lagi menerusi surah al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud: “...Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak);... ”

Kedua-dua ayat suci tersebut menegaskan peripentingnya nilai “**Makruf**” dalam hubungan suami-isteri. Apakah yang dimaksudkan dengan “**Makruf**” ini?

“**Makruf**” berasal daripada perkataan عرف yang bermaksud kebiasaan yang baik; yakni selama mana sesuatu perbuatan itu tidak membawa kepada maksiat, dan diiktiraf baik pula oleh adat sesebuah masyarakat, maka perbuatan itu tergolong daripada perbuatan makruf.

Misalnya, menyediakan air cuci tangan buat suami, yang meskipun tiada “nas” ayat al-Quran atau hadis yang menyatakan perbuatan ini berpahala akan tetapi, ia tidak membawa kepada perbuatan maksiat dan diiktiraf baik oleh masyarakat kita. Justeru perbuatan ringkas seperti itupun dinilai berpahala dan baik dalam Islam.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang diriwayatkan daripada Aswad, beliau berkata: “*Daku bertanya kepada Aisyah RA, “Apakah yang SAW buat di rumahnya?” Beliau (Aisyah) menjawab, “Baginda berkhidmat buat keluarganya. Lalu apabila masuk waktu solat, baginda keluar untuk melaksanakan solat.”* (HR alBukhari)

### **Saudara-saudaraku yang dihormati,**

Seterusnya nilai yang ditekankan Islam dalam **Baitul Muslim** ialah menjaga “**Keadilan**” dan “**Karomah Insaniyah**” terhadap pasangan. Rasulullah SAW berpesan di dalam Khutbah Wada’ baginda, yang di mana khutbah ini menghimpunkan mesej terpenting dakwah baginda SAW bahkan intipati Islam itu sendiri. Baginda SAW tetap bersabda berkenaan hak wanita dan isteri di dalam Baitul Muslim yang bermaksud:

*“Layan dan bergaullah dengan wanita dengan cara yang baik. Sesungguhnya mereka itu milik kamu, seakan-akan mereka tidaklah memiliki apapun (kerana berkorban untuk suami dan keluarga). Sesungguhnya kamu telah menikahi mereka dengan amanah daripada Allah, dan kamu menghalalkan hubungan kelamin dengan mereka, dengan firman Allah (yang menghalalkannya). Bertakwalah kepada Allah pada wanita-wanita itu, dan layanlah mereka dengan cara yang baik.”*

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Selain daripada nilai-nilai “**Makruf**”, “**Keadilan**” dan “**Karomah Insaniyah**”, Islam juga telah menggariskan beberapa tanggungjawab yang perlu dilakukan dalam sesebuah keluarga. Antaranya:

Pertama: Tanggungjawab “**Zaujiyah**” yakni hidup berpasangan yang sah menurut syarak. Ia merupakan fitrah kehidupan manusia yang sewajarnya disedari dan diterima sebaiknya. Melanggar norma “**Zaujiyah**” ini hanya akan mengakibatkan kerosakan diri seorang untuk berfungsi sebagai manusia normal. Allah SWT berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي

ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٩﴾

**Maksud:** “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi

*keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.” (ar-Rum, ayat 21)*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Manakala tanggungjawab kedua pula ialah mengamalkan “**Syura**” yakni saling berbincang untuk mncapai keputusan terbaik dalam sesuatu perkara. Menghidupkan amalan “Syura” dalam sesebuah keluarga muslim dapat membantu sesebuah perkahwinan kekal berada di tahap optimal. Kerana intipati amalan “**Syura**” itu mengandungi unsur komunikasi dua hala serta toleransi antara suami dan isteri. Allah SWT berfirman:

...وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ط...

Maksudnya: “...dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu.....” (Surah Al-Imran, ayat 159)

### **Sidang hadirin yang dirahmati,**

Sebagai kesimpulan, khatib ingin berpesan dan mengingatkan, bagaimana nilai dan tanggungjawab di dalam kehidupan keluarga muslim itu sangat berkaitrapat, yang di mana kegagalan sesebuah perkahwinan itu berpunca daripada kegagalan nilai yang luhur itu untuk dilindungi dengan tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan secara bersalingan dalam keluarga muslim ini. Oleh itu, tanggungjawab dan nilai sesebuah perkahwinan yang hakiki, sepertimana diajarkan Islam, perlulah diamalkan dan dihayati, demi perkahwinan yang sakinah, mawaddah dan rahmah.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
إِبْرَاهِيمَ.

آمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعِنَايَتِكَ إِلَى  
فَخَامَةِ الرَّيِّسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَفَرَتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،  
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ  
بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan MKN dan KKM bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

❖ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522127 @ 088-522142